

# UTeM, UMS jalin kerjasama anjur Imagine Cup 2012

UB 11-03-2012 A7

**KOTA KINABALU:** Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi sama-sama menjayakan penganjuran Pertandingan Imagine Cup 2012 yang akan berlangsung pada 16 hingga 17 Mei di Kota Kinabalu.

Kesepakatan ini telah dinyatakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon sewaktu kunjungan hormat Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan, merangkap Pengerusi Pertandingan Imagine Cup peringkat kebangsaan ke UMS baru-baru ini.

Terdahulu, Dr Ahmad Yusoff berkata, perkongsian strategik antara UTeM dan UMS ini merupakan satu sinergi yang cukup hebat dalam merealisasikan satu program yang berimpak besar bukan hanya di peringkat nasional malahan di peringkat global.

Manakala Dr Kamaruzaman melahirkan



**JALINAN Keserakanan antara UTeM dan UMS bakal mencoret kejayaan tersendiri bagi penganjuran Imagine Cup 2012. Dr Ahmad Yusoff (kanan) manakala Dr Kamaruzaman (kiri).**

rasa penghargaan kerana pertandingan Imagine Cup 2012 pada tahun ini dibawa ke negeri Sabah, justeru pendekatan ini akan memberi makna besar kepada seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) dan masyarakat sekitar negeri ini termasuk kepulauan Borneo.

Pihak UMS begitu berbesar hati dan akan menjadi penganjur pelaksana bersama dengan UTeM dan meletakkan keutamaan dalam memastikan

perjalanan program ini berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya.

Seterusnya kedua-dua belah pihak juga turut memanjangkan agenda ini menerusi perbincangan dan perancangan komprehensif selaku rakan kerjasama bagi memastikan pengelolaan penganjuran kali ini akan terlaksana dengan jayanya di sini.

Kerjasama dua buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ini juga dilihat

dalam bentuk penterjemahan konsep jalinan keserakanan yang akan sama-sama menjayakan program dan agenda bertaraf dunia yang telah diamanahkan oleh pihak KPT.

Pertandingan Imagine Cup 2012 di Kota Kinabalu pada kali ini akan bakal menyaksikan kehebatan dan kreativiti para pelajar IPT dalam negara mencipta perisian baharu bagi membantu menyelesaikan permasalahan dan isu global yang kini kian bertambah.

Pertandingan pada tahun ini merupakan penganjuran kali keempat yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan syarikat multinasional Microsoft Malaysia.

Kota Kinabalu merupakan lokasi yang telah dipilih untuk tahun ini yang mana penganjuran pada tahun 2009 telah diadakan di Sunway Selangor manakala tahun 2010 di Pulau Langkawi serta 2011 pula telah disempurnakan di Kuching Sarawak.